

Headline	KPWKM tawar khidmat kaunseling kepada pelajar tahfiz yang didera		
MediaTitle	Kosmo		
Date	20 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	7
ArticleSize	164 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,510		



## KPWKM tawar khidmat kaunseling kepada pelajar tahfiz yang didera

**KOTA BHARU** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedia menawarkan kaunseling kepada pelajar yang didakwa menjadi mangsa dera dalam kejadian di sebuah madrasah tahfiz di Selangor.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri bagaimanapun berkata, KPWKM akan bekerjasama de-

ngan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) terlebih dahulu untuk mengenal pasti bantuan yang diperlukan oleh mangsa.

Menurutnya, sudah menjadi tanggungjawab kementeriannya untuk membantu dan menyelamatkan golongan berkenaan termasuk kanak-kanak yang menjadi mangsa dera.

"Meskipun institusi tahfiz

berada di bawah tanggungjawab Jakim, JKM sentiasa bersedia dalam membantu terutamanya melibatkan keselamatan kanak-kanak.

"Kita akan bertindak mengikut prosedur untuk mengetahui perkara yang diperlukan oleh pelajar terbabit sama ada khidmat kaunseling atau sebagainya," katanya.

Beliau sebelum itu hadir Majlis Perasmian Anjung Kasih, Better Brighter Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara-Tenaga Nasional Berhad (YKN-TNB) di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), di sini semalam.

Media sebelum ini melaporkan, antara perbuatan melampau terhadap pengajar di sebuah madrasah tahfiz tidak berdaftar

di Selangor yang bertindak memukul dan memaksa pelajar tidur di dalam tandas.

Difahamkan, kejadian pukul berlaku sejak lebih setahun lalu membabitkan tenaga pengajar kanan di madrasah berkenaan yang sudah ditahan polis.

Melalui video tular seorang pelajar disepak, dipukul dan dilanyak ustaz terbabit.